

Hidup tanpa asas agama punca kerosakan alam

B.# 3/07/07 MS 11

Oleh Masmawi Abdullah

PENCEMARAN alam sekitar adalah isu diperkatakan secara berterusan kerana walaupun banyak seminar serta resolusi dibuat, isu itu rumit untuk diselesaikan, malah kadar pencemaran semakin meningkat. Kesedaran orang ramai terhadap isu alam sekitar perlu dipertingkatkan.

Sememangnya pencapaian sains dan teknologi hari ini tidak semestinya meningkatkan kualiti hidup manusia. Keupayaan sains melakukan kebaikan kepada manusia digerhanakan oleh keupayaan lebih besar untuk melakukan keburukan yang menimbulkan malapetaka.

Hakikat itu tidak dapat dinafikan kerana sains dan teknologi dihasilkan tamadun Barat hampir gersang daripada adunan nilai keagungan dan ketuhanan. Sekularisme dan materialisme mendasari tamadun Barat begitu mendambakan sifat rasional dan kemanusiaan.

Ahli sains dan falsafah zaman pertengahan berusaha bersungguh-sungguh mencampakkan agama daripada tuntutan kehidupan manusia. Jika Galileo, Descartes, Newton, Hume, Hobber dan yang lain masih hidup hari ini, tentu mereka mengkaji kembali pendapat mereka yang banyak mendasari pembinaan tamadun baru moden sebenarnya membawa malapetaka besar terhadap kehidupan manusia serta persekitarannya.

Mutakhir ini, segelintir tokoh pemikir Barat dan Timur beralih mencari agama sebagai meredakan kegelisahan yang dihadapi manusia moden hari ini. Mereka rasakan agama perlu diletakkan di tempat wajar, lebih-lebih lagi dalam menghadapi era pascamoden dan pasca-Marxisme.

Arnold Toynbae umpamanya melihat teknologi sains tidak digunakan untuk mengawal dan menakluk alam semula jadi termasuk hidupan lain. Sebaliknya dibawa

ke arah keadaan yang serasi dengan elemen alam semula jadi supaya keuntungan maksimum daripada elemen itu boleh dicapai.

Untuk melaksanakan pendekatan ini, agama perlu mengambil peranan utama dalam tamadun sains dan teknologi. Agama menurut fakulti tabii mampu mengilhamkan manusia menguasai diri mereka dan kumpulan.

Jika sains tidak diilhamkan dan diarah oleh agama, maka sains boleh memuaskan nafsu ketamakan manusia dan akan menjanggi ketamakan hingga menjadi pemusnah kepada kehidupan manusia dan persekitaran.

Prof Daisaki Ikeda mempunyai perspektif serupa berkata, agama Buddha mengajar manusia mempunyai hubungan yang harmonis dengan alam sekitar. Konsep 'Esho Puai' dalam agama Buddha melihat manusia dengan alam semula jadi bukanlah menentang antara satu sama lain, tetapi sering memerlukan.

Agama Chinto yang dianuti orang Jepun mempunyai sikap sama dengan Buddha terhadap persekitaran. Orang Jepun pada zaman tradisi memelihara keindahan alam semula jadi, tetapi mutakhir ini, orang Jepun mempunyai matlamat hidup untuk seiring dengan Barat dan meninggalkan agama tradisional mereka. Kini mereka memulakan episod kehidupan yang gila dan tamak akan harta benda serta tidak lagi menghiraukan nilai alam sekitar.

Agama Kristian mempunyai sikap agresif terhadap alam sekitar. S Parvez Mansor memetik pendapat Lyan White Jr yang agak provokatif melihat krisis alam sekitar atau ekologi hari ini berpunca daripada etika Judeo Kristian.

Menurut Bible, manusia adalah 'di atas alami', membawa tafsiran bahawa manusia adalah ciptaan tuhan yang istimewa dan diberi perintah untuk menguasai alam. Kristian menurut White adalah agama menjadikan penaklukan alam sebagai sesuatu

yang suci. Keadaan itu mendorong timbulnya etika eksploitasi. Justeru, Kristian harus dipertanggungjawabkan berlakunya kerosakan lingkungan dialami dunia hari ini.

White turut menyalahkan Islam sebagai punca krisis ekologi, kerana Islam menurutnya adalah bidaah daripada Judeo Kristian. Islam menurutnya tidak mempunyai ilmu yang asli untuk disumbangkan.

Kemajuan sains dan teknologi pada zaman keemasan Islam berpunca daripada Yunani. Sebenarnya tuduhan White terlalu melulu tanpa didasari hujah akademik konkrit. Ia mengkaji Islam menerusi perspektif orientalis dan tidak kepada sumber Islam asasi.

Parves Mansor dalam tulisannya menolak pandangan White. Hujah beliau, Islam mengajar umatnya menghormati atau beretika dengan alam sekitar yang juga inti sari al-Quran.

Menurut al-Quran, tujuan utama manusia adalah menanamkan kesusilaan wahyu ke dalam dunia semula jadi. Intelektual Muslim adalah orang yang mula menyuarakan tentangan terhadap penyalahgunaan alam semula jadi yang dilakukan atau nama sains dan teknologi.

Prof Ismail Farugi dalam menghuraikan teori alam semula jadi berkata nilai tabii alam tidak mengizinkan manusia berdusta terhadap alam mengenai tujuan sebenar di samping tidak membenarkan manusia mencemar atau mengurangkan sumber kekayaan alam.

Penggunaannya adalah untuk mencapai nilai moral tertinggi yang terkandung dalam iradat Allah. Islam tidak menganggap alam semula jadi terlalu suci sehingga ia dimuliakan dan dipertuhankan. Ia juga tidak melihat alam semula jadi sesuatu yang hina dan boleh dieksploitasi untuk kepentingan manusia tanpa batasan.

Syariat Islam meletakkan hubungan manusia dengan alam suatu yang murni. Islam memberikan ganjaran pahala besar kepada manusia yang 'menghidupkan bu-

mi' atau memakmur serta menghidupkannya dengan pelbagai tanaman.

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Sesiapa menghidupkan bumi yang mati akan mendapat ganjaran pahala dan sesiapa yang memakan hasilnya, maka baginya adalah sedekah." (Hadis riwayat Nasa'i)

Hasil diagnos punca pencemaran menunjukkan umat Islam hari ini perlu sedar keperibadian sendiri dengan tidak mengkor Barat dengan membabi buta. Pencemaran alam sekitar berlaku adalah manifestasi daripada kegersangan dimensi kerohanian dalam jiwa manusia.

Manusia menjadi semakin rakus, buas dan agresif dirangsang oleh nafsu ketamakan terhadap harta benda dan mementingkan diri sendiri lalu mencemarkan alam sekitar. Pencegahan pencemaran alam sekitar tidak hanya bermula dengan penggunaan teknologi hijau yang canggih tetapi harus bermula daripada jiwa manusia.

Kebaikan dan keburukan bergantung kepada jiwa manusia. Oleh itu, pembersihan jiwa adalah tanggungjawab semua agama. Manusia perlu kembali kepada agama dan umat Islam lebih wajar mengamalkan Islam dalam mewujudkan dunia masa depan lebih aman, bersih dan harmoni.

PETIKAN HADIS

"Sesiapa menghidupkan bumi yang mati akan mendapat ganjaran pahala dan sesiapa yang memakan hasilnya, maka baginya adalah sedekah."

(Hadis riwayat Nasa'i)